

01/05/2001

Setinggian mesti patuhi arahan kerajaan

KUALA LUMPUR, Isnin - Penduduk setinggian perlu bersikap waras dalam membuat sebarang tuntutan untuk berpindah dari kawasan yang mereka diduduki apabila diminta berbuat demikian.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Kebangsaan (Fomca), Prof Hamdan Adnan, berkata kerajaan tidak pernah melupakan kebajikan setinggian kerana masih sudi membayar pampasan dan memberi keutamaan untuk memiliki rumah kos rendah walaupun sebenarnya mereka tidak mempunyai hak ke atas kawasan yang diduduki.

Katanya, usaha kerajaan untuk memindahkan mereka itu juga adalah untuk kepentingan mereka sendiri dan generasi akan datang yang sepatutnya menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Bagaimanapun, Hamdan menyarankan supaya pihak berkuasa sendiri 'turun padang' untuk berbincang dan berdialog dengan penduduk setinggian terbabit bagi mengelakkan mereka diperalatkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

"Pihak berkuasa perlu turun berbincang dan memberi jaminan supaya apa yang dijanjikan dapat dikotakan. Kedua-dua pihak juga perlu bersikap adil dan waras dalam perbincangan untuk kepentingan semua pihak.

"Tidak ada gunanya setinggian ini membiarkan diri mereka diperalat oleh pihak tertentu yang mempunyai kepentingan lain," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta penduduk setinggian tidak mengenakan pelbagai syarat apabila kerajaan mahu memindahkan mereka dari kawasan yang diduduki.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda), Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata pihaknya mengalu-alukan saranan Perdana Menteri kerana tindakan penduduk setinggian itu hanya menimbulkan kesukaran kepada pemaju untuk menyiapkan projek mengikut jadual yang ditetapkan.

"Mereka ini biasanya meminta pampasan yang tinggi. Kadang-kadang pada nilai yang tidak munasabah dan masih meminta diberikan rumah dengan potongan yang tinggi.

"Kedegilan penduduk setinggian juga menyebabkan kes terpaksa dibawa ke mahkamah. Ini tidak adil kepada pemaju kerana projek mereka akan tergendala," katanya.

Chen berkata, sesetengah penduduk setinggian juga sengaja enggan berpindah walaupun sudah memiliki rumah kos rendah dan menyewakan kepada orang lain.

Beliau berkata, rumah kos rendah yang disediakan adalah selesa kerana setiap rumah kos rendah sekurang-kurangnya mempunyai keluasan 60.385 meter persegi (650 kaki persegi), mempunyai tiga bilik, dua bilik air dengan dilengkapi kemudahan yang baik.

"Sebaliknya, mereka masih berdegil dengan memberikan pelbagai alasan seperti kedudukan rumah jauh daripada tempat kerja dan sekolah, mempunyai keluarga di kawasan berdekatan dan tiada kenderaan," katanya.

(END)